

1. Serahan Pos Ekspres Xpresdrop adalah terus ke peti surat dan tidak memerlukan tandatangan penerima sebagai bukti penerimaan.
2. Sampul Pos Ekspres Xpresdrop adalah untuk pengeposan berupa DOKUMEN atau BUNGKUSAN yang mempunyai berat sehingga 100gm atau 250gm.
3. Pengeposan salinan asal dokumen-dokumen penting seperti berikut tetapi tidak terhad, iaitu; MyKad, sijil lahir/ nikah, buku cek, Cukai Jalan, sijil-sijil akademik, kontrak/ tender, geran atau lain-lain dokumen penting adalah tidak dibenarkan. Risiko di atas pengeposan dokumen tersebut adalah di bawah tanggungan pengirim.
4. Pos Malaysia berhak menolak sebarang pengeposan mengandungi barang larangan atau merbahaya.
5. Jaminan serahan mengambil masa dua hari bekerja (D+2) namun tertakluk kepada (a) pengeposan SEBELUM WAKTU PUNGUTAN yang dipamerkan pada Peti Pos Kuning (b) kawasan poskod di dalam lingkungan serahan Pos Malaysia sahaja. Jaminan serahan yang dinyatakan tidak tertakluk bagi kawasan poskod di luar lingkungan serahan Pos Malaysia.
6. Pampasan adalah terhad kepada penggantian sampul Pos Ekspres Xpresdrop yang setara untuk (a) serahan yang gagal menepati jaminan serahan yang dijanjikan sahaja, (b) kehilangan kandungan atau sebahagian isi kandungan semasa di dalam kendalian Pos Malaysia yang telah disahkan benar selepas siasatan dijalankan oleh Pos Malaysia, (c) Kerosakan yang mana sampul Pos Ekspres Xpresdrop atau isi kandungan yang didakwa rosak di bawah kawalan Pos Malaysia mesti dibuktikan secara fizikal semasa aduan dibuat dalam tempoh 48 jam selepas sampul Pos Ekspres Xpresdrop diterima supaya pemeriksaan dan pengesahan segera dapat dilakukan oleh Pos Malaysia. (d) Isi kandungan didakwa telah berkurangan perlu dilaporkan dalam tempoh 48 jam selepas sampul Pos Ekspres Xpresdrop diterima dengan membawa sampul Pos Ekspres Xpresdrop beserta isi kandungan berkenaan ke cawangan Pos Malaysia yang berdekatan supaya pemeriksaan segera dapat dilakukan oleh Pos Malaysia. Pos Malaysia berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya pihak pengadu gagal mengemukakan bukti bahawa kerosakan mahupun kekurangan isi kandungan berlaku di bawah kawalan Pos Malaysia.
7. Sebarang permohonan tuntutan pampasan yang dikemukakan mesti dibuat oleh pengirim dengan mengemukakan pelekat label barkod kuning sebagai bukti pengeposan dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh pengeposan sahaja.
8. Pos Malaysia tidak bertanggungjawab menanggung perkara-perkara berikut tetapi tidak terhad, iaitu; (a) Kerugian tidak langsung (*indirect loss*), (b) Kerosakan tidak langsung (*consequential damages*), (c) Lain-lain kos tidak langsung (*other indirect cost*), (d) Kehilangan peluang kontrak, keuntungan, pendapatan atau kos kerugian yang ditanggung oleh pengirim atau penerima susulan dari kelewatan, kerosakan atau kehilangan kandungan atau sebahagian kandungan, sama ada Pos Malaysia mengetahui atau tidak mengetahui isi kandungan semasa pengeposan atau disebabkan oleh kecuaiian Pos Malaysia, (e) Kerosakan atau kehilangan kandungan atau sebahagian kandungan susulan dari keadaan peti surat yang tidak kukuh atau tiada ciri-ciri keselamatan untuk melindungi sampul Pos Ekspres Xpresdrop yang berada di dalam peti surat berkenaan.

9. Pertanyaan atau aduan mesti dibuat dalam tempoh sepuluh (10) hari dari tarikh pengeposan sahaja. Sebarang permohonan siasatan lanjut atau permohonan pampasan yang dikemukakan dalam tempoh diatas mesti dibuat oleh pengirim dengan mengemukakan keratan Slip Pengeposan Pengirim yang lengkap diisi beserta pelekat label barkod kuning sebagai bukti pengeposan.
10. Sekiranya salah satu dari perkara di atas tidak sah digunapakai, ia tidak menghalang perkara-perkara lain yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini untuk sah digunapakai. Semua peraturan adalah tertakluk kepada perkara-perkara yang terkandung di dalam Terma dan Syarat yang dinyatakan di atas, sungguh pun demikian Pos Malaysia berhak menggunapakai peraturan-peraturan lain yang dikuatkuasakan oleh Pos Malaysia meskipun ia tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini. Sila layari laman web www.pos.com.my untuk perincian dan tambahan (jika ada) bagi syarat-syarat di atas.
11. Semakan status pengeposan Pos Ekspres Xpresdrop boleh dibuat melalui www.pos.com.my atau hubungi PosLine 1 300 300 300.
12. Pos Malaysia berhak untuk menolak sebarang pengeposan jika mendapati berat Pos Ekspres Xpresdrop berkenaan melebihi berat.